



# RINGKASAN EKSEKUTIF

## PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN 2021 - 2025



# KANDUNGAN

<b>PERUTUSAN PENGERUSI</b>	<b>01</b>
<b>PENGENALAN</b>	<b>04</b>
<b>PENDEKATAN PERANCANGAN STRATEGIK ICT (PerSI)</b>	<b>05</b>
<b>TADBIR URUS PROJEK</b>	<b>06</b>
<b>ORGANIZATIONAL LANDSCAPE MAP VIEW (OLMV) MDA</b>	<b>07</b>
<b>MISI DAN VISI MDA</b>	<b>08</b>
<b>VISI DAN MISI ICT MDA</b>	<b>09</b>
<b>TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF</b>	<b>10</b>
<b>STRETAGI DAN PROGRAM ICT</b>	<b>11</b>
<b>PELAN PELAKSANAAN</b>	<b>23</b>
<b>PENUTUP</b>	<b>33</b>

# **PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PENGERUSI PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN MALAYSIA)**

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan atas kejayaan menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (PSP MDA). Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam usaha menyediakan PSP MDA ini.



Bagi memperkasa sistem penyampaian di MDA, penggunaan teknologi perlulah seiring dengan perubahan teknologi semasa agar agensi dapat meningkatkan kecekapan, produktiviti secara lebih mudah, telus dan sistematik. Sehubungan itu, PSP MDA 2021-2025 ini menjadi sumber rujukan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan ICT di MDA. Saya percaya semua sasaran yang telah digariskan pada pelan ini dapat dicapai dengan usaha dan kerjasama baik dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mahupun dari semua pemegang taruh dalaman dan luaran.

Akhir sekali, saya berharap agar semua pihak dapat bersama-sama berganding bahu melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang dalam PSP MDA 2021-2025. Semoga semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan seterusnya merealisasikan impian visi, misi dan matlamat MDA.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI NOOR HISHAM BIN ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# **PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN MALAYSIA**

## **ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA,**

Alhamdulillah dengan izinNya Pihak Berkuasa Peranti Perubatan telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MDA 2021-2025. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama di dalam usaha menyediakan PSP MDA ini. Saya pasti pelbagai dugaan telah berjaya ditempuhi dalam menghasilkan PSP MDA 2021-2025 ini tatkala negara sedang berhadapan dengan situasi sukar pandemik COVID-19



Pelan Strategik Pendigitalan ini merupakan sumber rujukan utama yang menetapkan hala tuju MDA dalam tempoh lima (5) tahun akan datang dan menggariskan rangka tindakan strategik untuk pelaksanaan dan perancangan program melalui penggunaan teknologi ICT khususnya dalam pembangunan sistem aplikasi. Hal ini menjadikan aktiviti kawal selia peranti perubatan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan di MDA.

Pelan ini akan membantu MDA untuk mengenalpasti pelbagai isu, cabaran, kekuatan dan kelemahan pembangunan ICT dalam mewujudkan aplikasi yang bersepadu dan cekap serta berkesan seiring dengan perkembangan teknologi terkini bagi menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan MDA yang bertaraf antarabangsa.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Cawangan ICT dan Pengurusan Maklumat dengan kerjasama dari Pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang telah bekerja keras dalam pembangunan dan penerbitan buku Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MDA ini.

Sekian, terima kasih

AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI  
KETUA EKSEKUTIF MDA  
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)

# **PERUTUSAN KETUA CAWANGAN ICT DAN PENGURUSAN MAKLUMAT PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN**

## **ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA,**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MDA 2021-2025 dapat dihasilkan dengan jayanya

Pelan ini merupakan satu rangka kerja yang komprehensif ke arah mewujudkan persekitaran penggunaan dan pembangunan ICT yang terancang untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2021 sehingga 2025.

Dalam memastikan sistem penyampaian pendigitalan sentiasa pada tahap terbaik dan berkesan, pelan ini telah mengambil kira semua input dan cadangan dari setiap domain yang dilantik. Input dari setiap domain amat penting bagi melengkapkan pelan strategik ini. PSP MDA 2021-2025 ini juga diharap dapat menyokong teras bisnes MDA sedia ada MDA serta berlandaskan PSP KKM 2021-2025, Pelan Strategik MDA 2019-2023, dan PSP Sektor Awam 2021-2025.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KKM dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Saya juga berharap agar semua pihak dapat memainkan peranan untuk melaksanakan pelan yang telah dirancang berdasarkan teras strategik, program dan aktiviti bagi mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

SALMAN BIN SHA'RI  
KETUA CAWANGAN ICT DAN PENGURUSAN MAKLUMAT  
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)



# PENGENALAN

MAMPU telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang menggariskan hala tuju strategik pendigitalan sektor awam bagi tempoh lima tahun dengan matlamat “Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital” meliputi tujuh teras strategik, sepuluh prinsip panduan dan sembilan ekosistem pemboleh daya. Hala tuju strategik yang digarap dalam PSPSA adalah sejajar dengan hala tuju global dan nasional merangkumi *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rangka Tindakan (*Blueprint*) *Ekonomi Digital* Malaysia (MyDIGITAL) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). PSPSA 2021-2025 bertemakan “Sinergi Pendigital Mampan” dan telah dibangunkan dengan mengambil kira perkhidmatan berteraskan *Government to Government* (G2G), *Government to Citizen* (G2C), *Government to Business* (G2B) dan *Government to Employee* (G2E). PSPSA ini merupakan panduan kepada agensi Sektor Awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital

Bagi menyokong agenda Kerajaan Digital tersebut, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MDA 2021-2025. PSP MDA 2021-2025 ini bukan sahaja telah dijajarkan dengan PSPSA tetapi ia juga selari dengan Pelan Strategik MDA 2019-2023. PSP MDA 2021-2025 menggariskan hala tuju strategik pendigitalan dan rangka kerja yang diperlukan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan digital ke arah penyampaian perkhidmatan MDA yang berkualiti, cekap dan produktif.

PSP MDA 2021-2025 merupakan garis panduan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT di MDA bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2021 hingga tahun 2025.

Pembangunan PSP MDA 2021-2025 ini dilaksanakan bersama dengan pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025 melalui khidmat rundingan daripada Bahagian Perundingan ICT dan Bahagian Strategik dan Arkitektur, MAMPU.

# PENDEKATAN PERANCANGAN STRATEGIK ICT (PerSI)

## 1

### FASA 1 : MOBALISASI

- Menyedia Dokumen Permulaan Projek
- Memohon Peruntukan Kewangan
- Memohon Kelulusan Pelaksanaan Projek

## 2

### FASA 2 : ANALISIS

- Menilai Persekitaran Semasa dan Ekspektasi Bisnes
- Menilai Persekitaran dan Hala Tuju ICT Semasa
- Mengenal Pasti Jurang ICT

## 3

### FASA 3 : STRATEGI

- Membangun Visi dan Misi ICT
- Membangun Hala Tuju Strategik ICT
- Overview Hala Tuju Strategik ICT

## 4

### FASA 4 : FORMULASI

- Membangunkan Pelan Tindakan ICT
- Menentukan Anggaran Kos & Keutamaan
- Membangunkan Pelan Pelaksanaan

## 5


### FASA 5 : DOKUMENTASI

- Menyediakan Dokumen PSICT
- Mendapat Kelulusan Dokumen PSICT

PERANCANGAN STRATEGIK ICT (PERSI) TELAH DIGUNAKAN SEBAGAI PENDEKATAN UNTUK MEMBANGUNKAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN MDA 2021 - 2025.

# TADBIR URUS PROJEK

Bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan projek pembangunan PSP MDA ini, satu tadbir urus telah diwujudkan seperti berikut:





# VISI MDA

Untuk menjadi badan kawalselia peranti perubatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang menyediakann perkhidmatan kelas dunia, peneraju hab peranti perubatan untuk persekitaran penjagaan kesihatan yang selamat dan berkesan bagi negara pada tahun 2023.

# MISI MDA

MISI 1 : Kawalan dan Penguatkuasaan yang efektif.

- Mewujudkan dan mengukuhkan hubungan antarabangsa.

MISI 2 : Didorong oleh teknologi dan kompetensi sumber manusia.

- Pembangunan kompetensi sumber manusia secara berterusan bagi memastikan kelestarian keberkesanan organisasi.
- Pembangunan proses penyampaian secara berterusan melalui penggunaan "*state-of-the art*" teknologi maklumat dan komunikasi.

MISI 3 : Keterlibatan (*engagement*) pelanggan dan *stakeholders*.

- Perhubungan kolaboratif dan konsultatif yang dapat memenuhi keperluan pelanggan, *stakeholders* dan kakitangan.

MISI 4 : Mewujudkan dan mengukuhkan hubungan antarabangsa.

- Pengharmonian dan pengiktirafan (MOU/MRA)

# VISI ICT

**PERKHIDMATAN KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA DIGITAL YANG  
BERSEPADU, BERKUALITI DAN MAMPAN**

# MISI ICT

**MEMANTAPKAN PENYAMPAIAN  
PERKHIDMATAN KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN MELALUI EKOSISTEM DIGITAL  
YANG KONDUSIF**

# TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF

01

## Pemeriksaan Perkhidmatan Digital Kawal Selia Peranti Perubatan Secara Bersepadu



- Memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan kawal selia peranti perubatan secara digital.
- Memanfaatkan *emerging technologies* untuk memacu penyampaian perkhidmatan kawal selia peranti perubatan.
- Memperkukuh pengurusan dan penyelarasan data kawal selia peranti perubatan.

02

## Kesinambungan Perkhidmatan Digital Mampan Dan Selamat



- Memantapkan infrastruktur digital bagi menyokong adaptasi teknologi baharu perkhidmatan kawal selia peranti perubatan.
- Memperkukuh keselamatan ICT bagi menjamin tahap privasi, kerahsiaan dan ketersediaan maklumat.

03

## Tadbir Urus Digital Dinamik dan Tangkas



- Pemantapan pengurusan tadbir urus digital.
- Pemantauan dasar dan polisi digital.
- Pengukuhan ekosistem organisasi.

04

## Pemeriksaan Peluasan dan Pembudayaan Pendigitalan



- Memantapkan warga MDA yang berpengetahuan, berkemahiran digital.
- Mengoptimumkan tahap potensi dan penggunaan perkhidmatan digital.
- Memperkasa pembudayaan perkhidmatan digital secara menyeluruh.

# STRATEGI DAN PROGRAM ICT

SEBANYAK 10 STRATEGI DAN 25 PROGRAM PENDIGITALAN TELAH DIRANCANG DEMI MERIALISASIKAN PROSES PENDIGITALAN PERKHIDMATAN KAWAL SELIA PERANTI PERUBATAN DI PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN BAGI TEMPOH LIMA TAHUN DARI 2021 SEHINGGA 2025.



**Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Kawal Selia Peranti Perubatan Secara Bersepadu**

**3 Strategi**  
**6 Program**

01



**Kesinambungan Perkhidmatan Digital Mampan Dan Selamat**

**2 Strategi**  
**7 Program**

02



**Tadbir Urus Digital Dinamik dan Tangkas**

**3 Strategi**  
**8 Program**

03



**Pemerkasaan Peluasan dan Pembudayaan Pendigitalan**

**2 Strategi**  
**4 Program**

04

# TERAS STRATEGIK 1

## PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI PERUBATAN SECARA BERSEPADU



### STRATEGI 1

#### PENGUKUHAN PERKHIDMATAN APLIKASI TERAS BERSEPADU

P1

#### Pembangunan Sistem Perkhidmatan Aplikasi Teras

- Pembangunan Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 3.0
- Pembangunan Sistem Pemantauan
- Pembangunan Sistem Permohonan Kelulusan Iklan

P2

#### Penambahbaikan dan Peningkatan Sistem Medical Device Authority Register (MDAR) 2.0.

Penambahbaikan dan peningkatan Sistem Medical Device Authority Register (MDAR) 2.0

# TERAS STRATEGIK 1

## PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI PERUBATAN SECARA BERSEPADU



### STRATEGI 2

#### PENGUKUHAN PERKHIDMATAN APLIKASI SOKONGAN BERSEPADU

P1

#### Pembangunan Baru Sistem Aplikasi Sokongan

- Pembangunan MDA Training Information and Management System
- Pembangunan Sistem Pengurusan Pejabat MDA
- Pembangunan Sistem Perkhidmatan Unit Komunikasi Korporat (UKK)
- Pembangunan Sistem IT *Helpdesk*
- Pembangunan Sistem Permohonan Lawatan Rasmi MDA

P2

#### Penambahbaikan dan Peningkatan Sistem Aplikasi Sokongan

- Feedback Management System (FEMES)
- Medical Device Financial Accounting System (MeDiFAST)
- Digital Document Management System (DDMS)

# TERAS STRATEGIK 1

## PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI PERUBATAN SECARA BERSEPADU



### STRATEGI 3

#### KOLABORASI DAN INTEGRITI DATA

P1

#### Integrasi dengan Agensi Kerajaan dan Swasta

Projek Pembangunan Sistem Import Permit (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)

P2

#### Integrasi Sistem Perkhidmatan Aplikasi Teras dan Aplikasi Sokongan MDA

- Medical Device Authority Register (MDAR) dengan Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+
- Medical Device Financial and Accounting System (MeDiFASt) dengan Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+
- Medical Device Centralized Reporting System (MeDCReSt) dengan Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+

# TERAS STRATEGIK 2

## KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL MAMPAN DAN SELAMAT



### STRATEGI 1

#### PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT

P1

#### Naik Taraf dan Penyediaan Keperluan Baharu Peralatan ICT di MDA

- Perolehan peralatan ICT mengikut keperluan semasa MDA
- Penyelenggaraan peralatan ICT
- Perolehan perisian berlesen
- Perolehan perkhidmatan digital (IaaS, PaaS, SaaS)

P2

#### Naik Taraf Perkakasan dan Perisian Rangkaian Serta Keselamatan Maklumat di Pejabat MDA

- Penggantian dan penyelenggaraan firewall bagi keselamatan rangkaian
- Perolehan *Web Application Firewall* (WAF) bagi keselamatan aplikasi
- Penggantian dan penyelenggaraan perkakasan dan perisian rangkaian WiFi
- Perolehan perisian pengurusan pemantauan prestasi rangkaian

P3

#### Naik Taraf Bilik Server dan Pusat Data di Pejabat MDA

- Naik taraf *power plug* rak server di bilik server MDA
- Naik taraf dan menyelenggara *switch* di bilik server MDA
- Perolehan baru UPS *Rack Server* di bilik server MDA

# TERAS STRATEGIK 2

## KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL MAMPAN DAN SELAMAT



### STRATEGI 1

#### PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT

#### P4

#### Peluasan Pelan Pemulihan Bencana bagi Aplikasi Kritikal

- Medical Device Centralised Online Application System (MeDC@St) 2.0+
- Portal Rasmi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA).
- Feedback Management System (FEMES)
- Medical Device Authority Register (MDAR)
- Certificate Free Sale (CFS) / Manufacturing Certificate (MC) Online Application System
- MDA's e-Training Management System
- Medical Device Technical Competency Online System (MeDTComp)
- Medical Device Centralized Reporting System (MeDCReSt)
- Medical Device Financial Accounting System (MeDiFAST)
- Event Management System (EMS)

#### P5

#### Pelaksanaan Security posture Assessment (SPA) bagi sistem aplikasi MDA

Pelaksanaan *Security Posture Assessment* (SPA) bagi sistem aplikasi MDA

# TERAS STRATEGIK 2

## KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL MAMPAN DAN SELAMAT



### STRATEGI 2

#### PEMANTAPAN TEKNOLOGI BAHARU

P1

#### Adaptasi Perkhidmatan Cloud Hosting untuk Sistem MDA

- Medical Device Centralised Online Application System (MeDC@St 2.0+)
- Portal Rasmi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)
- Feedback Management System (FEMES)
- Medical Device Authority Register (MDAR)
- Certificate Free Sale (CFS) / Manufacturing Certificate (MC) Online Application System
- MDA's e-Training Management System
- Medical Device Technical Competency Online System (MeDTComp)
- Medical Device Centralized Reporting System (MeDCReSt)
- Medical Device Financial Accounting System (MeDiFAST)
- Event Management System (EMS)

P2

#### Pelaksanaan Rangkaian 5G Serta Teknologi Internet of Things (IoT)

Pelaksanaan rangkaian 5G serta teknologi *Internet of Things* (IoT)

# TERAS STRATEGIK 3

## TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS



### STRATEGI 1

#### PEMANTAPAN PENGURUSAN TADBIR URUS DIGITAL

P1

#### Pembentukan Jawatankuasa dan Pasukan Enterprise Architecture (EA)

Membentuk jawatankuasa dan pasukan *Enterprise Architecture* (EA)

P2

#### Rasionalisasi Tadbir Urus Digital

Mewujudkan Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM) dengan bilangan perjawatan sumber manusia yang bersesuaian mengikut bidang kepakaran ICT bagi mengukuhkan fungsi perkhidmatan digital di MDA

# TERAS STRATEGIK 3

## TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS



### STRATEGI 2

#### PEMANTAUAN DASAR DAN POLISI DIGITAL

P1

**Semakan Senarai Jawatankuasa Tadbir Urus Digital.**

Semakan senarai Jawatankuasa Tadbir Urus Digital

P2

**Pembangunan Baharu Dasar / Standard / Garis panduan.**

- Standard set data peranti perubatan
- Prosedur operasi standard bagi *Video Conference (VC)*
- Prosedur operasi standard bagi penggunaan *Virtual Private Network (VPN)*
- Prosedur operasi standard penggunaan dan pinjaman peralatan ICT
- Prosedur operasi standard pembangunan keperluan sistem maklumat
- Prosedur operasi standard penyelenggaraan sistem dan peralatan ICT
- Prosedur operasi standard pemeriksaan diagnostik sistem dan peralatan ICT
- Prosedur operasi standard baik pulih perkakasan, perisian dan perkhidmatan ICT

# TERAS STRATEGIK 3

## TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS



### STRATEGI 3

PENGUKUHAN EKOSISTEM  
ORGANISASI

**P1**

**Pembangunan Enterprise Architecture (EA)**  
Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) di MDA

**P2**

**Penyelarasan Data Antara Agensi dan Pelanggan**  
Penyelarasan data antara agensi dan pelanggan di MDA

**P3**

**Semakan separuh penggal PSP MDA 2021-2025**  
Melaksanakan semakan separuh penggal PSP MDA 2021-2025

**P4**

**Pembangunan PSP MDA 2026 - 2030**  
Membangunkan PSP MDA 2026 - 2030

# TERAS STRATEGIK 4

## PEMERKASAAN PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN



### STRATEGI 1

#### PENGUKUHAN KOMPITENSI DIGITAL

**P1**

**Pembangunan Pelan Latihan ICT**

**Membangunkan Pelan Latihan ICT MDA**

**P2**

**Pelaksanaan Pelan Latihan ICT**

**Melaksanakan Pelan Latihan ICT MDA**

**P3**

**Pematuhan Terhadap DKICT KKM**

**Melaksanakan pematuhan terhadap DKICT KKM.**

# TERAS STRATEGIK 4

## PEMERKASAAN PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN



### STRATEGI 2

#### PENYEGARAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

P1

#### Pelaksanaan Latihan Aplikasi Kepada Kakitangan MDA

- Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+
- Medical Device Authority Register (MDAR)
- Medical Device Financial and Accounting System (MeDiFASt)
- Digital Document Management System (DDMS).
- MyGovUC 2.0
- Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS 2.0)

P2

#### Program Pembudayaan Teknologi Baru

- Melaksanakan taklimat dan kursus bagi pendedahan awal berkenaan *Enterprise Architecture (EA)*
- Melengkapkan kompetensi pegawai MDA dengan menghadiri kursus pensijilan *Enterprise Architecture (EA)*
- Melaksanakan taklimat berkaitan *Cloud Computing, Internet of Things (IoT), Big Data, Open Data, Industrial Revolution (IR4.0)* dan yang berkaitan

# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

**PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU**



## STRATEGI 1 : PENGUKUHAN PERKHIDMATAN APLIKASI TERAS BERSEPADU

### PROGRAM

**Pembangunan Sistem  
Perkhidmatan Aplikasi Teras**

2021

2022

2023

2024

2025

**Penambahbaikan dan  
Peningkatan Sistem Medical  
Device Authority Register  
(MDAR) 2.0**


2021

2022

2023

2024

2025



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

**PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU**



## STRATEGI 2 : PENGUKUHAN PERKHIDMATAN APLIKASI SOKONGAN BERSEPADU

### PROGRAM

**Pembangunan Baru Sistem  
Aplikasi Sokongan**

2021

2022

2023

2024

2025

**Penambahbaikan dan  
Peningkatan Sistem Aplikasi  
sokongan**


2021

2022

2023

2024

2025



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

**PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU**




## STRATEGI 3 : KOLABORASI DAN INTERGRITI DATA

### PROGRAM

**Integrasi dengan Agensi  
Kerajaan dan Swasta**



**Integrasi Sistem Perkhidmatan  
Aplikasi Teras dan Aplikasi  
Sokongan MDA**



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU

**T2**



## STRATEGI 1 : PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT

### PROGRAM

**Naik Taraf dan Penyediaan  
Keperluan Baharu Peralatan  
ICT di MDA**

2021

2022

2023

2024

2025

**Naik Taraf Perkakasan dan  
Perisian Rangkaian Serta  
Keselamatan Maklumat di  
Pejabat MDA**

2021

2022

2023

2024

2025

**Naik Taraf Bilik Server dan  
Pusat Data di Pejabat MDA**

2021

2022

2023

2024

2025

**Peluasan Pelan Pemulihan  
Bencana bagi Aplikasi Kritikal**

2021

2022

2023

2024

2025

**Pelaksanaan *Security posture  
Assessment* (SPA) bagi sistem  
aplikasi MDA**

2021

2022

2023

2024

2025

# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU

**T2**




## STRATEGI 2 : PEMANTAPAN TEKNOLOGI BAHARU

### PROGRAM

*Adaptasi Perkhidmatan Cloud  
Hosting untuk Sistem MDA*



*Pelaksanaan Rangkaian 5G Serta  
Teknologi Internet of Things (IoT)*



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU

**T3**



## STRATEGI 1 : PEMANTAPAN PENGURUSAN TADBIR URUS DIGITAL


### PROGRAM

Pembentukan Jawatankuasa  
dan Pasukan *Enterprise*  
*Architecture* (EA)

2021 2022 2023 2024 2025

Rasionalisasi Tadbir Urus  
Digital

2021 2022 2023 2024 2025



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU


**T3**





## STRATEGI 2 : PEMANTAUAN DASAR DAN POLISI DIGITAL

### PROGRAM

Semakan Senarai  
Jawatankuasa Tadbir Urus  
Digital



Pembangunan Baharu Dasar /  
Standard / Garis panduan



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU

**T3**



## STRATEGI 3 : PENGUKUHAN EKOSISTEM ORGANISASI

### PROGRAM

Pembangunan *Enterprise  
Architecture* (EA)

2025

Penyelarasan Data Antara  
Agensi dan Pelanggan

2022

2023

2024

2025


Semakan Separuh Penggal PSP  
MDA 2021-2025

2024

2025

Pembangunan PSP MDA 2026 -  
2030

2025



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU


**T4**



## STRATEGI 1 : PENGUKUHAN KOMPITENSI DIGITAL

### PROGRAM


Pembangunan Pelan Latihan  
ICT



Pelaksanaan Pelan Latihan ICT



Pematuhan Terhadap DKICT  
KKM



# PELAN PELAKSANAAN 2021 – 2025

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN  
DIGITAL KAWAL SELIA PERANTI  
PERUBATAN SECARA BERSEPADU

**T4**



## STRATEGI 2 : PENYEGARAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

### PROGRAM

**Pelaksanaan Latihan Aplikasi  
Kepada Kakitangan MDA**

2021

2022

2023

2024

2025

**Program Pembudayaan  
Teknologi Baru**


2021

2022

2023

2024

2025



# PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitaan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PSP MDA) 2021 - 2025 merupakan satu dokumen *blueprint* yang mengandungi empat teras strategik dalam membangun dan mengoptimumkan penggunaan teknologi serta memanfaatkan sepenuhnya pendigitalan ke arah mencapai hala tuju dan objektif strategik penyampaian perkhidmatan MDA untuk tempoh masa lima tahun.

Dengan adanya komitmen daripada pihak pengurusan tertinggi MDA dan seluruh warga MDA, diharapkan PSP MDA 2021-2025 ini dapat direalisasikan bagi mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan MDA dan memenuhi kepuasan pelanggan.

Pencapaian program dan aktiviti dalam blueprint ini juga akan dipantau dari semasa ke semasa dan dijaki semula pada separuh penggal pelaksanaannya. PSP MDA 2021 - 2025 akan terus menjadi pemangkin kecemerlangan pentadbiran dan penyampaian kawal selia peranti perubatan demi menjamin kesejahteraan bersama.

